

# SAHREIN WAKIL SARAWAK DALAM INSTITUT PERHUBUNGAN AWAM MALAYSIA

July 22, 2016, Friday

Borneo Post



**WAKIL SARAWAK:** Sahrein (kiri) dan Rosli (kanan) bersama-sama barisan ahli majlis IPRM selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53 IPRM diketuai Ketua Pengarah Penerangan Datuk Ibrahim Abdul Rahman (tengah).

**KUCHING:** Siswazah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dari Sarawak, Sahrein Maloh dilantik sebagai ahli majlis Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM) bagi penggal 2016-2018 menerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53 yang diadakan di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) kelmarin.

Sahrein, memegang Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam jurusan Komunikasi Massa mempunyai pengalaman selama 12 tahun dalam bidang kewartawan dan perhubungan awam.

Bermula dengan kerjaya sebagai wartawan di sebuah akhbar di Sarawak pada awal tahun 2004, beliau pernah bertugas sebagai pegawai media kepada Ahli Parlimen P.194 Petra Jaya (2007-2010) Datuk Seri Fadillah Yusof dan eksekutif komunikasi korporat di Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) Sarawak (2010-2015) sebelum memutuskan untuk membuka syarikat perhubungan awam dan media beliau sendiri di Kuching.

Berasal dari Marudi, beliau juga kini memegang jawatan sebagai setiausaha media Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Negeri Sarawak sejak 2007.

Turut menganggotai barisan ahli majlis tersebut ialah Leftenan Muda Rosli Ismail yang juga merupakan bekas pensyarah Kajian Komunikasi UNIMAS yang kini merupakan pengurusan komunikasi korporat di sebuah syarikat pelaburan multinasional di Kuala Lumpur.

Menurut Rosli, pemilihan Sahrein adalah berdasarkan pengalaman, komitmen dan sumbangan beliau dalam bidang perhubungan awam di Sarawak.

“Diharapkan dengan pelantikan beliau dapat mengembangkan lagi aktiviti serta menghimpun pengamal-pengamal perhubungan awam di Sarawak melalui IPRM dan seterusnya menarik lebih ramai ahli baharu di Sabah dan Sarawak,” kata Rosli lagi.

IPRM ditubuhkan pada 1962 dengan objektif memartabat-kan profesionalisme pengamal perhubungan awam di Malaysia melalui penganjuran pelbagai seminar dan latihan untuk ahli dan bukan ahli.